

From: Jabatan Bendahari UUM -BEND
Sent: Ahad, 24 Januari 2021 12:31 ptg
To: UUM - All Staff
Cc: Eylani Bt Ahmad; Abdul Roni B Baharom; Mohd Zamri bin Mohd Zain; Zabanun Binti Ibrahim
Subject: PEMBUKAAN SKRIN BAYARAN DI IFAS DAN FIMS
Importance: High



Jabatan Bendahari
Bursar's Department
Universiti Utara Malaysia

24 JANUARI 2021 (AHAD) | 11 JAMADILAKHIR 1442H

=====

"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Dato' / Y.Brs. Prof. / Tuan / Puan,

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

PEMBUKAAN SKRIN BAYARAN DI IFAS DAN FIMS

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa skrin IFAS dan FIMS telah dibuka bagi tujuan input dan proses bayaran tahun 2021.

1. Merujuk kepada surat Bendahari UUM rujukan BEND20210107/KB0024 bertarikh 07 Januari 2021, transaksi bayaran perlu dibuat pada kedua-dua sistem (IFAS dan FIMS) bagi tempoh tiga (3) bulan pertama.
2. Sistem IFAS dan FIMS telah dibuka kepada pusat tanggungjawab yang telah mengemukakan unjuran perbelanjaan vot umum tahun 2021 kepada Unit Bajet, Jabatan Bendahari.
3. Sehubungan itu, pihak pusat tanggungjawab perlu mengemukakan daftar bil IFAS dan FIMS beserta dokumen sokongan yang disahkan kepada Jabatan Bendahari bagi tujuan pemprosesan bayaran. Alamat bagi FIMS adalah fims.uum.edu.my (nama pengguna dan kata laluan adalah seperti di Portal UUM).
4. Bagi pusat tanggungjawab yang masih memerlukan bantuan untuk menginput data bayaran ke sistem FIMS, boleh datang ke Jabatan Bendahari bagi tujuan berkenaan. Sila hubungi Pn. Roshayati Kassim di talian 04-928 3278 untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.